

August 12, 2021 – Salt Lake City

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)



Presidensi Utama Menggesa para Orang Suci Zaman Akhir Memakai Pelitup Muka Apabila Diperlukan dan Mendapatkan Vaksin COVID-19
“Kita boleh memenangi perang ini jika semua orang mengikuti saranan pakar perubatan dan pemimpin kerajaan yang bijak dan teliti”

Presidensi Utama Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir menghantar pesanan berikut pada hari Khamis, 12 Ogos 2021, kepada para ahli Gereja di seluruh dunia:

Saudara dan saudari yang dikasihi:

Kami sedar kita sedang berperang melawan COVID-19 dan variannya yang membinasakan, pandemik yang tidak henti-henti. Kami mahu melakukan semua yang kami mampu untuk membataskan penyebaran virus ini. Kami tahu bahawa perlindungan dari penyakit yang ditimbulkannya hanya dapat dicapai dengan kadar peratusan pemvaksinan populasi yang sangat tinggi.

Untuk membataskan pendedahan terhadap virus-virus ini, kami menggesa penggunaan pelitup muka dalam perjumpaan awam apabila penjarakan sosial tidak dapat dilakukan. Untuk perlindungan diri daripada jangkitan teruk, kami menggesa individu untuk menerima vaksin. Vaksin yang sedia ada telah terbukti selamat dan berkesan.

Kita boleh memenangi perang ini jika semua orang mengikuti saranan pakar perubatan dan pemimpin kerajaan yang bijak dan teliti. Sila ketahui kasih tulus dan kebimbangan besar kami terhadap semua anak Tuhan.

Presidensi Utama

Russell M. Nelson

Dallin H. Oaks

Henry B. Eyring